

# Tuduhan liwat jejas imej pembangkang: Nik Aziz

S-H 30/06/02 M/S 7

"Perkara seperti ini amat memalukan orang tua kampung seperti saya. Sedih kenapa tuduhan seperti ini masih ada".

**KOTA BHARU** - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui tuduhan terhadap Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh mencalarakan imej pembangkang dan polis perlu menyiasatnya secara terperinci.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau juga tidak menolak kemungkinan tuduhan liwat itu merupakan satu konspirasi untuk menjatuhkan seseorang pemimpin parti politik seperti Anwar.

"Ya lah, tuduhan ini boleh mencalarakan imej pem-

bangkang. Ini kerja-kerja politik. Geng-geng politik semua, kerana tidak beriman. Dalam blog pun dibuat macam-macam tuduhan.. apa ni," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, semalam.

Sekiranya perkara ini benar-benar berlaku, Nik Aziz berkata, ia memalukan.

"Saya sebagai orang tua kampung, perkara seperti ini amat memalukan, lainlah kalau dalam kes rasuah yang boleh nampak kesnya. Saya amat sedih kenapa masih ada tuduhan seperti ini," katanya lagi.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, di negara ini tuduhan liwat terhadap seseorang bagi menjatuhkan karier politiknya seperti menjadi amalan biasa.

"Di Malaysia sudah jadi begitu, suka tuduh menuduh. Berapa kali telah dibuat tuduhan begitu. Liwat ini bukan orang buat di atas jalan raya, perbuatan itu dilakukan secara sulit sekiranya benar ia berlaku. Mengapa pula senang-senang hendak tuduh orang lain?"

"Hakim sudah melepaskan Anwar terhadap tuduhan liwat sebelum ini dan sekarang tuduhan serupa pula cuba diulang. Allah Taala akan kenakan bala ke atas orang yang menuduh," ujar beliau.

Nik Aziz berkata demikian ketika mengulas laporan polis yang dibuat oleh Saiful Bukhari Azlan, 23, di Balai Polis Travers, Kuala Lumpur, kelmarin. Dalam laporannya, Saiful mendakwa diliwat Anwar.

Sementara itu, Ahli

Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali turut terkejut dengan isu terbaru itu dan meminta polis menyiasatnya secara terperinci dan telus.

"Buat masa ini, pandangan saya seperti biasa lazimnya kes berhubung salah laku, jenayah dan rasuah terhadap mana-mana pihak perlu menunggu laporan polis.

"Tunggulah siasatan pihak polis dan mana-mana pihak jangan buat keputusan sendiri. Penyiasatan yang telus perlu dibuat dengan mendalam tanpa ada 'fear and favour'," katanya.